Di negara ini, pencarian maklumat kesihatan dan literasi kesihatan masih belum diterokai sepenuhnya, terutamanya dalam kalangan murid. Menurut Edward dan Sondik (2010) literasi kesihatan ialah keupayaan seseorang individu untuk memperoleh, memproses, memahami maklumat asas dan perkhidmatan kesihatan yang diperlukan untuk membuat keputusan kesihatan yang sesuai. Literasi kesihatan juga bermaksud keupayaan seseorang individu untuk mendapatkan maklumat, berkomunikasi, memproses, memahami maklumat asas, dan perkhidmatan kesihatan untuk membuat keputusan kesihatan yang sesuai.





Oleh itu, meningkatkan kadar celik kesihatan dalam kalangan masyarakat merupakan cara untuk melahirkan masyarakat yang lebih sihat, selamat dan lebih berilmu. Literasi kesihatan iaitu mempraktikkan pengetahuan yang telah diperoleh, dinilai, dan difahami dalam kehidupan seharian berkaitan dengan pencegahan penyakit, promosi kesihatan dan perawatan (Parker 1995; Zarcadoola, 2005; Speros, 2005; Barrett & Puryear, 2006; Nutbeam & Bauman, 2006; McQueen, 2007; Mancuso, 2009; Berkman, 2010; Sorensen 2012; WHO, 2013).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah menetapkan literasi kesihatan sebagai salah satu ukuran kesihatan yang sangat penting (Nielsen, Panzer, & Kindig, 2004). Individu yang mempunyai pengetahuan literasi kesihatan berupaya meningkatkan kesihatan diri sendiri, menjaga keluarga dan menghebahkan literasi kesihatan untuk pengetahuan masyarakat keseluruhannya (McQueen, 2007; Freedman, 2009). Dalam membuat keputusan, menganalisis, mendengar dan membaca, literasi kesihatan merupakan langkah untuk menjaga kesihatan serta kebersihan juga adalah perkara yang diperoleh mengikut kemampuan seseorang. (Sihota & Lennard, 2004).

Oleh yang demikian, literasi kesihatan ialah satu kemahiran yang dimiliki oleh seseorang individu dalam menerapkan nilai penjagaan kesihatan melalui kemahiran yang dimiliki dari ilmu pengetahuan yang dicari bagi meningkatkan kesihatan diri. Perkara ini dapat menghindari seseorang itu daripada penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit.





### 1.3 Pernyataan Masalah

Literasi kesihatan yang baik dapat mengelakkan diri seseorang daripada jangkitan pelbagai penyakit yang boleh memberikan tekanan emosi kepada individu dan juga ahli keluarga. Kejadian penyakit berjangkit yang berlaku disebabkan oleh makanan dan minuman menjadi salah satu isu yang serius di dunia. Berpunca daripada bahaya mikrobiologi dan bahan kimia terus menjadi masalah serius bagi sistem makanan. Penularan wabak penyakit berjangkit seperti Covid-19, Keracunan Makanan, Leptospirosis (Kencing Tikus), Batuk Kering (Tibi), Typhoid dan Kolera amat membimbangkan negara. Cara utama bagi mengatasinya adalah dengan meningkatkan literasi kesihatan. Pelbagai usaha dilakukan oleh banyak pihak bagi mengawal penularan wabak penyakit berjangkit, terutamanya yang boleh menyebabkan kematian.

Selain itu, rebakan penyakit berjangkit yang berlaku sekarang, mampu menyebabkan masyarakat dunia termasuk Malaysia berada dalam kebimbangan dan gangguan emosi.

Laporan kes keracunan makanan di negeri Perak, sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, terdapat 8 kes keracunan makanan pada tahun 2019 dan 14 kes keracunan makanan pada tahun 2018. Sebanyak 138 kantin dan dapur asrama sekolah di seluruh negeri Perak telah diperiksa bagi memastikan pengendali makanan sentiasa prihatin mengenai aspek kebersihan makanan termasuk dari sumber bahan mentah, penyimpanan bahan mentah, penyediaan makanan serta siap untuk dihidangkan perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Sumber Jabatan Kesihatan Negeri Perak).





Jabatan Kesihatan Negeri Perak (JKNP) merekodkan pada bulan Februari awal tahun 2021 terdapat satu kes keracunan makanan di Kolej Vokasional Padang Rengas. Bagi tahun 2020 pula berlaku 14 kes keracunan makanan di sekolah dan diikuti tahun 2019 terdapat tujuh buah sekolah mengalami kejadian kes keracunan makanan. Seterusnya bagi tahun 2018 berlaku lapan kes keracunan makanan. Pada tahun 2017 pula telah melibatkan lapan buah sekolah turut mengalami kejadian keracunan makanan dan termasuk kes yang berulang di sekolah berasrama SABK di Kampar, SMK Khir Johari Hilir Perak dan sekolah Tunas Bakti di Taiping.

Dilaporkan pada tahun 2016 dua buah sekolah dalam daerah Larut Matang dan Selama telah terlibat dengan kes keracunan makanan. Sekolah yang terlibat ialah Sekolah Maahad Tahfiz Tarbiah Al-Ummah, Taman Kota Barat, Taiping seramai 11 orang murid dan asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tasik Taiping seramai 23 orang murid.

Bagi tahun 2017 pula sebanyak tiga buah sekolah dalam daerah Larut Matang dan Selama terlibat dengan kejadian kes keracunan makanan. Antara sekolah yang terlibat ialah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Taiping, iaitu seramai lapan orang murid, SABK Maahad Tarbiah Al-Islamiah seramai 15 orang murid yang terlibat dalam kejadian keracunan makanan dan Madrasah Tahfiz Kampung Sempeneh Cempaka, Batu Kurau pula turut melibatkan seramai 33 orang murid yang mengalami keracunan makanan.





Seterusnya kes keracunan makanan bagi tahun 2018 melibatkan dua buah sekolah iaitu MRSM Taiping seramai 31 orang murid. Kes yang sama juga berulang dalam bulan Ogos seramai 103 orang murid MRSM mengalami keracunan makanan.

Manakala Sekolah Menengah Maahad Al-Ehya Asshariff, Gunung Semanggol seramai 57 orang murid mengalami kejadian keracunan makanan dalam daerah Larut Matang dan Selama. Pada tahun 2019 seramai 31 orang murid dari Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping, mengalami keracunan makanan. Pada tahun 2021 seramai 24 orang murid Sekolah Menengah Islam Darul Ta'lim, Sungai Limau, Ijok terlibat dengan kes keracunan makanan di sekolah mereka (Pejabat Kesihatan Daerah Larut Matang dan Selama).



Kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, hanya terdapat sedikit sahaja kajian

literasi kesihatan telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini antaranya adalah kajian Abdullah (2020), Ibrahim (2019), Hamzah (2018), dan Mohammad Rezal (2016). Melalui pemerhatian dan pengkajian yang dilakukan oleh pengkaji didapati bahawa literasi kesihatan dalam kalangan murid adalah sederhana. Pengkaji merujuk kepada hasil kajian (Hamzah, Saundi, & Hamzah, 2011) dalam Literasi Kesihatan Remaja Malaysia menunjukkan tahap literasi adalah tahap sederhana. Oleh itu, bagi memperkasakan literasi kesihatan individu dalam kalangan murid, maka kajian secara berterusan perlu dilakukan bagi mengetahui literasi kesihatan murid dan sejauh mana murid mengamalkan ilmu pendidikan kesihatan yang dipelajari di sekolah.

Masalah literasi kesihatan dalam kalangan remaja kini iaitu melakukan pelbagai tingkah laku berisiko yang boleh membawa kepada masalah kesihatan seperti





kecederaan, penyalahgunaan dadah, merokok, stres, masalah kesedaran sivik, penyakit mental dan kurang mengamalkan cara hidup sihat yang boleh menyebabkan masalah pada kesihatan. Masalah ini dapat dicegah dengan meningkatkan literasi kesihatan dalam kalangan murid.

Walaupun terdapat kajian lampau seperti kajian (Hamzah, 2018; Ibrahim, 2019), namun kajian tersebut dijalankan secara berasingan dan dalam konteks yang berbeza. Kajian Hamzah (2018) melihat pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya dengan literasi kesihatan dalam kalangan remaja adalah sederhana. Kajian Ibrahim (2019) pula berkaitan literasi kesihatan mental kalangan remaja dan hasil kajian menunjukkan sikap memainkan peranan dalam kesihatan mental remaja tambahan pula pengetahuan mengenai kesihatan mental adalah rendah.



Kajian Mohammad, Emma, dan Mohd Yusof (2016) berkaitan pengaruh literasi kesihatan terhadap tingkahlaku pencarian maklumat kesihatan dalam kalangan pelajar menunjukkan bahawa tahap literasi kesihatan adalah pada tahap memadai. Literasi kesihatan (penjagaan kesihatan) menunjukkan jumlah responden yang bermasalah tinggi. Manakala literasi kesihatan (promosi kesihatan) menunjukkan tahap memadai dan secara umumnya tahap literasi kesihatan responden boleh dikelompokkan mempunyai tahap literasi kesihatan yang bermasalah.

Kajian Mohamed, Sakawi, & Hussain (2022) Amalan kebersihan makanan dalam kalangan pengendali makanan kantin sekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan terhadap kebersihan adalah memuaskan. Namun demikian terdapat ruang penambahbaikan yang masih boleh dipertingkatkan bagi membendung kejadian





kes keracunan makanan di kantin sekolah. Pengendali makanan perlu lebih peka dengan ilmu keselamatan makanan yang amat perlu diterapkan secara berterusan di kantin sekolah bagi menjamin mutu makanan di kantin sekolah dapat dipertingkatkan serta dapat memulihara kebersihan dan kualiti makanan yang disajikan kepada para pelajar.

Kajian Aziz, Sahbudin, dan Shari (2021) tahap amalan penjagaan kebersihan dan gaya hidup sihat dalam kalangan pelajar Politeknik. Dapatan kajian menunjukkan aspek pengetahuan, amalan penjagaan kebersihan, dan amalan gaya hidup sihat adalah baik terutamanya ketika negara dilanda COVID-19.

Oleh itu, kajian ini mengkaji literasi kesihatan yang berkaitan dengan tahap pendidikan ibu bapa, kebersihan diri (pengetahuan, sikap, amalan) motivasi kesihatan dan efikasi sendiri. Tujuan kajian ini adalah ingin melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara literasi kesihatan dengan tahap pendidikan ibu bapa, kebersihan diri (pengetahuan, sikap, amalan), motivasi kesihatan, dan efikasi sendiri. Seterusnya, kajian ini juga ingin menilai efikasi sendiri sebagai mediator di antara motivasi kesihatan dan literasi kesihatan. Kajian seperti ini kurang dilakukan oleh pengkaji terdahulu terutamanya berkaitan literasi kesihatan dalam kalangan murid.

Tuntasnya, satu kajian yang komprehensif perlulah dijalankan bagi menjawab masalah-masalah berkaitan dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana literasi kesihatan adalah penting bagi mengelakkan berlakunya pelbagai penyakit kronik yang akan memberikan kesan kepada kesihatan dan pendidikan seseorang murid.





## 1.4 Tujuan Kajian

Secara umumnya, tujuan kajian ini untuk mengenal pasti literasi kesihatan murid sekolah melalui pemboleh ubah peringkat pendidikan ibu bapa, kebersihan diri, motivasi kesihatan, dan efikasi sendiri murid. Terdapat dua elemen yang penting bagi memastikan matlamat kajian tercapai. Dua elemen tersebut ialah kajian umum dan kajian khusus. Di bawah ini diperincikan elemen-elemen kajian adalah seperti berikut:

### 1.4.1 Kajian umum

Kajian ini adalah untuk melihat sama ada faktor peringkat pendidikan ibu bapa, kebersihan diri, motivasi kesihatan dan efikasi sendiri mempengaruhi literasi kesihatan seseorang murid. Oleh hal yang demikian, diharapkan objektif kajian ini dapat menemui sesuatu yang boleh menyelesaikan masalah literasi kesihatan dalam kalangan murid di sekolah dan dapat memberikan jawapan kepada hipotesis kajian. Pertama iaitu mengenal pasti tahap kekerapan dan peratusan kebersihan diri, motivasi kesihatan, efikasi sendiri, dan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Keduanya, membandingkan perbezaan literasi kesihatan antara sekolah menengah.

Seterusnya menentukan hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Selanjutnya, menentukan pengaruh kebersihan diri dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid dan menentukan pengaruh efikasi sendiri dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Selain itu, menentukan pengaruh motivasi kesihatan dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid dan akhir





sekali mengenal pasti sama ada efikasi sendiri sebagai mediator antara motivasi kesihatan dan literasi kesihatan dalam kalangan murid.

#### **1.4.2 Kajian Khusus**

Untuk memastikan literasi kesihatan dalam kalangan murid dengan melihat sama ada faktor pendidikan ibu bapa, kebersihan diri, motivasi kesihatan dan efikasi sendiri mempengaruhi literasi kesihatan seseorang murid. Melalui program penjagaan kesihatan yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu program perkhidmatan kesihatan dengan tiga komponen utama iaitu perkhidmatan kesihatan sekolah, perkhidmatan pergigian sekolah dan perkhidmatan alam sekitar sekolah mampu memberikan sumbangan kepada literasi kesihatan murid.

Di samping itu, dapat memastikan murid sentiasa sihat dan bebas daripada penyakit.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Di antara objektif utama kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengetahui tahap kekerapan dan peratusan kebersihan diri, motivasi kesihatan, efikasi sendiri dan literasi kesihatan dalam kalangan murid.
2. Membandingkan perbezaan literasi kesihatan di antara Sekolah Menengah Harian, Sekolah Menengah Berasrama dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.





3. Menentukan hubungan antara peringkat pendidikan ibu bapa dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid.
4. Menentukan pengaruh kebersihan diri dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid.
5. Menentukan pengaruh efikasi sendiri dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid.
6. Menentukan pengaruh motivasi kesihatan dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid.
7. Mengenal pasti sama ada efikasi sendiri sebagai mediator di antara motivasi kesihatan dan literasi kesihatan dalam kalangan murid.



## 1.6 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah tahap kekerapan dan peratusan kebersihan diri, motivasi kesihatan, efikasi sendiri, dan literasi kesihatan dalam kalangan murid?
2. Adakah terdapat perbezaan literasi kesihatan di antara Sekolah Menengah Harian, Sekolah Menengah Berasrama dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan?
3. Adakah terdapat hubungan peringkat pendidikan ibu bapa dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid?
4. Adakah terdapat pengaruh peringkat kebersihan diri dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid?





5. Adakah terdapat pengaruh efikasi sendiri dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid?
6. Adakah terdapat pengaruh motivasi kesihatan dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid?
7. Adakah terdapat efikasi sendiri sebagai mediator di antara motivasi kesihatan dan literasi kesihatan dalam kalangan murid?

### 1.7 Hipotesis Kajian

Ho1. Tidak terdapat perbezaan literasi kesihatan di antara Sekolah Menengah Harian,

Sekolah Menengah Berasrama dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

Ho2. Tidak terdapat hubungan di antara peringkat pendidikan ibu bapa berdasarkan literasi kesihatan dalam kalangan murid.

Ho3. Tidak terdapat pengaruh kebersihan diri terhadap literasi kesihatan dalam kalangan murid.

Ho4. Tidak terdapat pengaruh efikasi sendiri terhadap literasi kesihatan dalam kalangan murid.

Ho5. Tidak terdapat pengaruh motivasi kesihatan terhadap literasi kesihatan dalam kalangan murid.

Ho6. Tidak terdapat efikasi sendiri sebagai mediator di antara motivasi kesihatan dan literasi kesihatan dalam kalangan murid.





## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1, kajian ini melibatkan beberapa pemboleh ubah bebas (IV) dan pemboleh ubah bersandar (DV). Bagi pemboleh ubah bebas (IV), terdiri daripada peringkat pendidikan ibu bapa, kebersihan diri, motivasi kesihatan, dan efikasi sendiri. Manakala pemboleh ubah bersandar (DV), ialah literasi kesihatan.

Objektif pertama dalam kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap kekerapan dan peratusan kebersihan diri, motivasi kesihatan, efikasi sendiri dan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Objektif kedua adalah membandingkan perbezaan literasi kesihatan di antara Sekolah Menengah Harian, Sekolah Menengah Berasrama dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Kajian Apidah (2022) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran pembelajaran dengan pencapaian akademik murid.

Seterusnya kajian Baba, Omar, Muhammad Nor, dan Hassan (2021) Permasalahan pengurusan murid, kekurangan guru opsyen bagi subjek kritikal merupakan permasalahan utama dalam tadbir urus sekolah. Oleh itu penambahan fasiliti pembelajaran yang lebih efisien adalah dicadangkan bagi meningkatkan pencapaian SABK dalam peperiksaan utama. Sementara itu kajian Yussoff dan Azman (2020) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik murid berdasarkan gender. Penyusunan semula strategi sedia ada dan merancang program-program yang lebih baik perlu dilaksanakan bagi mengurangkan jurang perbezaan gender terhadap pencapaian dalam kalangan murid sekolah.





Bagi objektif ketiga pula ialah menentukan hubungan antara peringkat pendidikan ibu bapa dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Kajian Nurhayati dan Wuri (2020) menunjukkan perubahan dalam tingkah laku kebersihan diri bukan sahaja ditentukan oleh pengetahuan yang baik dan sikap yang baik tetapi juga sokongan keluarga dan guru. Seterusnya, objektif keempat pula adalah untuk melihat pengaruh tahap kebersihan diri dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Kajian yang telah dijalankan oleh Khairina, Susmiati, Nelwati, dan Rahman (2022) mendapati dengan meningkatkan tahap literasi kesihatan remaja, dapat meningkatkan kesedaran diri untuk menjaga kesihatan, mempunyai tingkah laku kesihatan yang positif agar dapat meminimumkan risiko penyakit dan masalah kesihatan mental yang serius.


Manakala objektif kelima iaitu melihat pengaruh efikasi sendiri dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Kajian Hidayati, Akrom, Nurasa, dan Erviana (2019) menunjukkan tahap efikasi sendiri berada dalam kategori rendah. Terdapat pengaruh pendidikan kesihatan terhadap kebersihan diri dalam kalangan murid. Bagi objektif keenam pula untuk melihat pengaruh motivasi kesihatan dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh DeBate, Gatto, dan Rafal (2018) menunjukkan bahawa terdapat korelasi antara maklumat dan motivasi, maklumat dan kemahiran tingkah laku, serta motivasi dan kemahiran tingkah laku. Hasil kajian ini juga membuka peluang kepada pengamal kesihatan awam dalam memberikan rawatan bagi pemulihan pesakit mental. Manakala kajian yang telah dijalankan oleh Fleary (2018) berkaitan literasi kesihatan dan tingkah laku kesihatan remaja terdapat hubungan bermakna antara literasi kesihatan dan tingkah laku remaja.





Akhir sekali objektif ketujuh untuk mengenal pasti sama ada efikasi sendiri sebagai mediator di antara motivasi kesihatan dan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Kajian Dzul, Hussin, dan Sulaiman (2021) menunjukkan bahawa efikasi sendiri berperanan sebagai mediator terhadap hubungan antara kepercayaan dan pengajaran Pendidikan Islam berintegrasikan KBAT guru Pendidikan Islam. Seterusnya kajian yang telah dijalankan oleh Yusoff, Nik Yusoff, dan Baharuddin (2020) efikasi sendiri memberikan kesan kepada kebimbangan bahasa Arab dalam kalangan murid. Kajian ini membuktikan bahawa efikasi sendiri menjadi mediator antara kebimbangan bahasa dan pencapaian kemahiran bahasa tersebut.



**Rajah 1.1***Kerangka Konseptual Kajian***1.9 Definisi Konsep dan Operasional****1.9.1 Literasi Kesihatan****i Definisi Konsep**

Literasi kesihatan juga boleh ditakrifkan sebagai keupayaan seseorang untuk mengakses, memahami, menilai, dan menggunakan maklumat berkaitan kesihatan dengan berkesan melalui amalan kesihatan serta dapat mengekalkan kesihatan yang



baik. Literasi kesihatan dalam kajian ini bermaksud literasi kesihatan murid-murid yang terlibat dalam kajian ini sahaja dan membabitkan aspek pencarian maklumat, menilai, memahami dan mengamalkan perkara yang berkaitan dengan kesihatan. Murid-murid yang terlibat ialah mereka yang belajar di sekolah menengah dalam daerah Larut Matang dan Selama.

Menurut Sorensen (2012), literasi kesihatan melibatkan perhubungan antara faktor mencari, memahami, menilai pengetahuan dan melaksanakan maklumat kesihatan yang difahami. Literasi kesihatan bertujuan untuk menghindari seseorang itu daripada risiko penyakit. “*World Health Organization*” (WHO, 2013), menyatakan bahawa literasi kesihatan ialah kemampuan seseorang untuk mencari dan menggunakan ilmu pengetahuan berkaitan kesihatan dengan cara ikhtiar dan berusaha bagi menambah baik kesihatan diri melalui kepakaran kognitif dan sosial bagi memastikan perkembangan motivasi tercapai.

## ii Definisi Operasional

Dalam kajian ini literasi kesihatan ialah pemboleh ubah bersandar, mengandungi 18 soalan yang mempunyai tiga elemen penting iaitu penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit dan promosi kesihatan. Kajian ini merujuk kepada objektif kajian seperti dinyatakan dan melibatkan pemboleh ubah bebas yang terdiri daripada peringkat pendidikan ibu bapa, kebersihan diri (pengetahuan, sikap, amalan), motivasi kesihatan, dan efikasi sendiri.

Persoalan kajian juga melibatkan pemboleh ubah bebas yang sama bagi melihat perbezaan dan pengaruh literasi kesihatan kalangan murid. Hipotesis kajian pula untuk





menjawab persoalan kajian sama ada hipotesis diterima atau hipotesis ditolak berdasarkan soal selidik yang dijawab oleh responden. Antara contoh soalan yang terdapat dalam literasi kesihatan seperti mencari maklumat mengenai simptom penyakit, menilai maklumat tentang penyakit yang didapati daripada media, cara anda boleh melindungi diri daripada penyakit, membuat keputusan untuk memperbaiki kesihatan dan sebagainya (Mohammad, 2020).

## 1.9.2 Kebersihan Diri

### i Definisi Konsep

Kebersihan diri merupakan penjagaan kebersihan badan dan pakaian seseorang untuk mengekalkan kesihatan serta kesejahteraan secara keseluruhan. Kebersihan diri ini juga termasuk dalam beberapa aktiviti yang berbeza mengenai penjagaan diri antaranya seperti mencuci atau mandi, membersihkan diri selepas menggunakan tandas, penjagaan mulut yang betul, berpakaian dan dandanan serta menjaga pakaian supaya sentiasa bersih, *United Nations Children's Fund [UNICEF] (2016)*.

Dr. A'aisah dan Norrani (19 April 2020) juga telah memberikan panduan atau cara yang betul untuk mencuci tangan. Terdapat tujuh langkah cara membasuh tangan dengan betul dan berkesan. Antaranya basuh tangan menggunakan sabun dan air yang bersih, gosok tapak tangan, gosok setiap jari dan celah-celah jari, gosok kuku pada tapak tangan, gosok belakang tangan, bilas dengan air yang bersih dengan sempurna dan keringkan tangan menggunakan tuala yang kering dan bersih. Kebersihan diri merupakan langkah pencegahan dalam penjagaan kesihatan yang memberikan





kesejahteraan emosi, sosial dan fizikal. Pengetahuan dan sikap murid mempengaruhi amalan kebersihan diri dalam kehidupan harian (Sumber: myhealth.gov.my).

Seterusnya Odonkor (2019) berpendapat bahawa kekurangan pendidikan menjadi penghalang utama mengamalkan kebersihan diri dan sebilangan besar murid tidak aktif mempraktikkan amalan kebersihan diri yang baik. Kebersihan diri atau *personal hygiene* dalam kajian ini ialah murid-murid yang terlibat dalam kajian merujuk kepada murid sekolah menengah yang terdapat dalam daerah Larut Matang dan Selama yang telah selesai menjawab soal selidik berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

## ii Definisi Operasional

Dalam kajian ini kebersihan diri merujuk kepada pengetahuan, sikap dan amalan tentang kebersihan diri yang diamalkan oleh murid berdasarkan soal selidik yang mengandungi 17 soalan. Tiga soalan berkenaan dengan pengetahuan, sembilan soalan berkaitan amalan kebersihan diri dan lima soalan berkaitan dengan sikap. Kebersihan diri ialah pemboleh ubah bebas bagi melihat pengaruh kepada pemboleh ubah bersandar iaitu literasi kesihatan dalam kalangan murid. Perkara ini bagi memastikan literasi kesihatan murid, pengetahuan, sikap, dan amalan kebersihan diri perlu dipraktikkan.

Di antaranya iaitu memastikan tangan dicuci sebelum dan selepas mengambil makanan, menutup mulut dan hidung ketika batuk dan bersin, menggunakan sabun sewaktu mandi dengan tujuan bagi mengawal penyebaran penyakit seperti jangkitan kuman, keracunan makanan dan sebagainya Odonkor (2019).





### 1.9.3 Efikasi Kendiri

#### i Definisi Konsep

Efikasi kendiri dalam kajian ini hanya melibatkan murid-murid yang menjadi sampel dalam kajian ini. Menurut Bandura (1986) efikasi diri ialah pertimbangan subjektif individu terhadap kemampuannya untuk menyusun tindakan yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas-tugas khusus yang dihadapi. Individu juga mempunyai kemampuan mengawal pemikiran, perasaan dan tingkah lakunya. Teori efikasi kendiri ini menyatakan bahawa tingkah laku yang bermotivasi tinggi adalah merujuk kepada proses kognitif secara sedar membabitkan keupayaan untuk menjangka matlamat, ganjaran penggunaan, pertimbangan, penilaian dan penetapan keputusan.

Teori ini menerangkan aras keyakinan individu terhadap kemampuan untuk melaksanakan tugas tertentu (Bandura, 1997). Individu yang mempunyai emosi yang positif (kurang reaksi stres) boleh menyebabkan mereka mempunyai efikasi yang tinggi terhadap sesuatu perkara atau aktiviti yang diceburi oleh mereka. Sekiranya mereka sentiasa berada dalam keadaan stres, efikasi kendiri terhadap aktiviti yang dijalankan juga akan menjadi rendah (Bandura, 1977).

Menurut Bandura (1982) efikasi kendiri juga penting untuk meningkatkan keyakinan dan kemampuan diri seseorang dalam memastikan matlamat tercapai. Oleh yang demikian, efikasi kendiri penting bagi menyakinkan murid-murid dan membina kemampuan diri mereka untuk meningkatkan literasi kesihatan.





## ii Definisi Operasional

Dalam kajian ini, efikasi sendiri merujuk kepada cara seseorang murid itu membentuk diri supaya mampu mengawal perasaan dan tingkah laku bagi meningkatkan literasi kesihatan berdasarkan soal selidik efikasi sendiri. Soal selidik efikasi sendiri yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini mempunyai 10 soalan. Objektif kajian adalah untuk melihat pengaruh efikasi sendiri terhadap literasi kesihatan dan efikasi sendiri sebagai mediator kepada motivasi kesihatan dan literasi kesihatan.

Muhammed Yusuf (2011) pula berpendapat efikasi sendiri dalam akademik menjadikan murid sentiasa berfikir tentang cara yang paling berkesan untuk menyempurnakan setiap tugas. Dalam kajian ini, efikasi sendiri merujuk kepada tahap keyakinan dan kepercayaan sendiri seseorang murid untuk menyelesaikan sesuatu tugas dan menghasilkan sesuatu yang terbaik mengikut kemampuan masing-masing dari sudut literasi kesihatan.

### **1.9.4 Motivasi Kesihatan**

#### i Definisi Konsep

Menurut Cox (1986) motivasi kesihatan ialah multidimensi subsistem yang melibatkan proses pilihan, keperluan kecekapan, dan penentuan diri dalam kesihatan seseorang. Motivasi kesihatan sebagai keinginan kuat untuk bersenam, mengamalkan pengambilan makanan sihat, hidup dalam persekitaran yang bersih supaya kekal sihat dan elakkan tekanan (Xu, 2008).





Xu (2009) dalam kajian beliau bertajuk *Health motivation in health behavior: Its theory and application* telah menggunakan tiga model motivasi kesihatan iaitu *The Health Motivation Scale in Physical Activities (HMS-PA)*, *Health Motivation Scale in Healthy Eating (HMS-HE)* dan *Theoretical Model Of Health Motivation*. Hasil kajian didapati bahawa model HMS-PA adalah yang terbaik antara ketiga-tiga model. Deci dan Ryan (1996) mendefinisikan motivasi sebagai kesediaan untuk berusaha dalam mengejar sesuatu matlamat. Menurut Kamaruzaman (2010) motivasi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pertumbuhan, perkembangan dan pencapaian murid. Dengan itu, kajian ini sewajarnya dikaji untuk melihat sejauh mana motivasi kesihatan dapat mempengaruhi literasi kesihatan dalam kalangan murid bagi memastikan murid dapat meningkatkan literasi kesihatan dalam kehidupan harian mereka. Motivasi juga dilihat mempunyai kemampuan dalam memberikan impak kepada proses pembelajaran dan pencapaian akademik (Rasha, 2020).

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan *The Health Belief Model* (Rosenstock, Stretcher, & Becker, 1988)) kerana kajian yang dilakukan oleh pengkaji berkaitan dengan literasi kesihatan yang boleh meningkatkan tahap kesihatan pelajar sekiranya diamalkan dengan sempurna dalam kehidupan harian.

Menurut *The Health Belief Model* (HBM) jika individu merasakan ancaman penyakit, contoh mereka terdedah kepada penyakit dan keterukan penyakit serta menyedari manfaat daripada melakukan tingkah laku tertentu seperti menjauhi penyakit tetapi tiada yang menghalang tindakan individu. Oleh yang demikian, individu mungkin terdorong untuk berkelakuan secara sihat bagi menghindari penyakit dengan mengamalkan cara hidup sihat melalui literasi kesihatan.





Selain itu, Croyle (1992) menyatakan bahawa motivasi sering memihak kepada penilaian individu terhadap ancaman kesihatan yang mempengaruhi tingkah laku kesihatan individu. Walau bagaimanapun, kebanyakan tingkah laku manusia diarahkan kepada tujuan dan sekurang-kurangnya rasional daripada pandangan orang yang berkenaan. Motivasi kesihatan dalam kajian ini hanya melibatkan murid dalam sampel kajian iaitu merujuk kepada sekolah menengah yang terdapat dalam daerah Larut Matang dan Selama. Hal ini adalah bertujuan mengenal pasti motivasi kesihatan yang ada pada murid dan arah tingkah laku murid berkaitan literasi kesihatan.

### iii Definisi Operasional

Dalam kajian ini, motivasi kesihatan merujuk kepada cara murid membentuk motivasi kesihatan bagi memastikan literasi kesihatan bermula dari dalam diri, berdasarkan soal selidik motivasi kesihatan yang mengandungi 10 soalan. Motivasi kesihatan dalam kajian ini adalah sebagai pemboleh ubah bebas.

Kajian ini bagi melihat pengaruh motivasi kesihatan dengan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Antaranya iaitu mengamalkan gaya hidup sihat seperti merasa bersalah apabila tidak mengamalkannya. Gaya hidup sihat juga merupakan salah satu cara untuk mengekalkan prestasi yang baik semasa belajar dan sebagai kaedah melegakan tekanan dan sebagainya (An, 2015).





## 1.10 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan di antaranya ialah:

### i Sampel

Kajian ini hanya menggunakan sampel murid Sekolah Menengah Harian, Sekolah Menengah Harian Berasrama dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, dalam daerah Larut Matang dan Selama, negeri Perak. Dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan terhadap semua murid di Malaysia. Dapatan kajian mungkin berbeza sekiranya diuji kepada murid di sekolah-sekolah dalam daerah yang lain di negeri Perak dan murid-murid sekolah di negeri-negeri yang lain dalam negara.

Terdapat responden yang memberikan jawapan yang tidak lengkap dan pengkaji terpaksa menambah responden baru. Kajian ini juga melibatkan kewangan dan mengambil masa yang agak lama. Bagi mengatasi permasalahan ini murid-murid perlu memberi kerjasama dengan baik setelah bersetuju untuk menjadi responden dalam kajian yang dijalankan.

### ii Pengumpulan Data

Kemungkinan ketepatan data-data yang dikumpul adalah tidak begitu tepat, sekiranya responden tidak menjawab soal selidik dengan jujur dan bersungguh-sungguh.

Pengkaji juga menghadapi masalah sekolah yang tidak mempunyai cukup murid dan terpaksa pergi ke sekolah yang lain.





Pengkaji hanya menggunakan borang soal selidik secara manual kerana murid sekolah tidak dibenarkan membawa *handphone* ke sekolah dan asrama. Pengkaji menggunakan sampel rawak berstrata. . Bagi mengatasi permasalahan ini responden perlu bersikap jujur dan memberi kerjasama dengan baik setelah bersetuju untuk menjadi responden dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji juga perlu mendapat maklumat yang tepat dari pihak PPD berkaitan jumlah pelajar sebenar supaya sekolah yang pilih mempunyai responden yang mencukupi.

### iii Rujukan

Kajian dalam bidang ini amat terhad. Oleh yang demikian, pengkaji menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bahan rujukan, sosiobudaya dan amalan kehidupan harian di Malaysia.



## **1.11 Kepentingan Kajian**

Kajian berkaitan literasi kesihatan ini adalah sangat penting kerana penyakit berjangkit boleh tersebar disebabkan kurangnya literasi kesihatan terutamanya dari sudut pengetahuan, sikap dan amalan tentang penjagaan kesihatan dalam kalangan murid. Di samping itu, peringkat pendidikan ibu bapa, motivasi kesihatan, efikasi sendiri memainkan peranan penting bagi memastikan murid menambahkan pengetahuan, kebolehan, kemampuan dan keyakinan diri untuk berusaha meningkatkan literasi kesihatan. Perkara ini penting untuk menghindari diri mereka daripada penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit serta sentiasa menjalani kehidupan harian secara sihat.





Menurut Bashtawy (2016), bagi menangani kejadian penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit, pengetahuan penjagaan kebersihan diri dalam kalangan kanak-kanak ialah solusi yang terbaik. Kebersihan diri merupakan kepercayaan yang selalu digunakan dalam praktik perubatan juga kesihatan awam. Hal ini melibatkan penjagaan kebersihan badan, pakaian dan benda yang merupakan sesuatu peribadi. Semuanya ini dimaksudkan suatu keadaan cara mempromosikan tindakan dan mempraktikkan kebersihan diri. Pengetahuan dan amalan kebersihan diri penting dalam semua aktiviti harian. Tujuan kebersihan diri dipraktikkan adalah untuk pencegahan penyakit yang ditularkan secara umum, melalui nilai estetik dan kesan kegiatan sosial Bastos (2010).

Exco Kesihatan Sains Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Perak, Mohd Akmal memaklumkan bahawa bagi tahun 2022, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mencatatkan mangsa keracunan makanan tertinggi iaitu seramai 572 orang pelajar. Keracunan makanan yang juga berlaku di kantin-kantin sekolah dalam negeri Perak melibatkan seramai 169 orang murid. Literasi kesihatan mempunyai kaitan dengan status kesihatan individu. Individu yang mempunyai literasi kesihatan yang baik selalunya dikaitkan dengan status kesihatan yang baik (Manganello dan Shone, 2013). Literasi kesihatan yang lemah berpunca daripada pengetahuan, sikap dan amalan pesakit seperti kekurangan pengetahuan tentang kewujudan khidmat pencegahan penyakit serta kesan komplikasi penyakit (Scott, Gazmararian, Williams, & Baker, 2002).

Menurut Saidi (2021) pada 18 Mac 2020, sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan bagi tahun 2019, terdapat lapan kes kejadian





keracunan makanan berlaku. Pada tahun sebelumnya iaitu tahun 2018, kejadian kes keracunan yang melibatkan kantin adalah sebanyak 14 buah sekolah. Kantin dan dapur asrama sekolah di seluruh Perak sudah diperiksa sejumlah 138 buah, bagi memastikan pengendali makanan sentiasa prihatin tentang aspek kebersihan makanan.

Seterusnya untuk mengatasi masalah keracunan makanan yang berlaku pada setiap tahun dalam negeri Perak, pengkaji merasakan adalah penting untuk murid itu sendiri mengetahui literasi kesihatan mereka dan apakah tahap sebenarnya pengetahuan, sikap, dan amalan kebersihan diri mereka sendiri. Dengan cara ini dapatlah dibuat rumusan yang tepat apabila berlakunya keracunan makanan dalam kalangan murid. Oleh hal yang sedemikian, kajian ini amat penting bagi memastikan semua murid sekolah mempunyai literasi kesihatan yang baik bagi mencegah sebarang penyakit.

Kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membuat pemantauan dan memberikan kesedaran kepada para murid, guru-guru, pengurusan kantin dan asrama tentang kepentingan literasi kesihatan serta cara mengamalkan kebersihan diri dengan betul antaranya dengan meningkatkan literasi kesihatan dan kualiti amalan kesihatan harian.





Diharapkan hasil kajian ini dapat menyumbangkan sesuai yang baik terutamanya dari aspek meningkatkan literasi kesihatan dalam kalangan murid. Berpandukan model literasi kesihatan yang merangkumi faktor penjagaan kesihatan, promosi kesihatan dan pencegahan penyakit, pengkaji percaya sekiranya pihak yang terlibat mengambil serius mempromosikan literasi kesihatan dalam kalangan murid-murid sekolah, sudah pasti tahap literasi kesihatan peringkat murid adalah baik. Apabila literasi kesihatan dapat ditingkatkan dalam kalangan murid-murid sejak awal di bangku sekolah lagi, masalah kesihatan dan penyakit dapat dicegah dan murid-murid boleh menumpukan perhatian terhadap pembelajaran dan pengajaran di sekolah.

## 1.12 Penutup



Literasi kesihatan adalah penting bagi memastikan seseorang individu mencari, memahami, menilai dan mengamalkan ilmu berkaitan dengan kesihatan bagi memastikan murid-murid bebas daripada masalah kesihatan. Mempraktikkan literasi kesihatan yang baik dapat mencegah individu, keluarga, masyarakat, dan persekitaran daripada mengalami masalah kesihatan. Melalui bab ini, telah dikemukakan gambaran umum yang merangkumi latar belakang kajian untuk membincangkan literasi kesihatan, kebersihan diri, motivasi kesihatan dan efikasi sendiri.

Bab ini juga akan membincangkan pernyataan masalah dan tujuan kajian yang merangkumi beberapa bahagian subtopik iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, definisi operational yang berkaitan dengan





kajian, batasan kajian dan rumusan kajian. Selain itu, skop dan hipotesis kajian juga turut dibincangkan.

